

Kakitangan awam kerap diberi amaran

B14 11/12/11 M27

135 langgar tata tertib terima hukuman ringan

Oleh Norfatimah Ahmad
tim@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Hukuman ringan berbentuk amaran pendadbiran yang juga tindakan paling kerap dikenakan terhadap penjawat awam, tidak mencerminkan hasrat sebenar kerajaan memastikan perkhidmatan itu benar-benar bersih dan bebas daripada amalan negatif.

Malah, seperti ditegaskan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Sutinah Sutan, ketua jabatan hanya memberi amaran atau nasihat kepada penjawat awam yang terbabit dalam rasuah, tidak seiring pendirian kerajaan bagi memerangi gejala negatif berkenaan.

Dalam Laporan Tahunan 2010 Suruhanjaya Pencega-

han Rasuah Malaysia (SPRM), mencatatkan seramai 135 individu dikenakan hukuman itu sepanjang 2010 berbanding 90 pada tahun sebelumnya.

Baru-baru ini, Pengarah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Rasuah, Datuk Hisham Nordin, berkata penjawat awam terbabit dalam rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa akan dikenakan tindakan peringat dalaman dengan menahkaji gaji, turun pangkat dan buang kerja tanpa perlu menunggu perbicaraan atau disabitkan kesalahan oleh mahkamah.

Hukuman lebih berat itu bakal dihadapi penjawat awam yang melakukan kesalahan berkenaan apabila pindaan Pekeliling Perkhidmatan Awam (Tatatertib) yang kini diteliti pejabat Peguam Negara dan Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA), diluluskan kelak. Jika pindaan itu dikuatkuasa, tiada lagi hukuman ringan seperti amaran bertulis dan lisan seperti sekarang.

Laporan tahunan SPRM itu turut mencatatkan 13 individu dihukum turun gaji, 12 dibuang kerja manakala tiga penjawat awam diturunkan pangkat kerana kesalahan tata tertib. Selain itu, 350 laporan SPRM dikemukakan kepada ketua jabatan dan agensi kerajaan tahun lalu berbanding 235 laporan suruhanjaya itu pada 2009.

Mengikut laporan itu, 204 kesalahan tata tertib kerana tidak melaksanakan tugas dan menggunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan diri manakala 72 lagi mengemukakan tuntutan palsu atau pengesahan yang mengandungi butiran palsu.